

# LEMBAH KLANG BEBAS BAH 2020

ANCAMAN banjir di Lembah Klang akan dapat diatasi menjelang 2020 apabila projek tebatan banjir utama siap dilaksanakan sepenuhnya.

Antara projek tebatan banjir itu ialah Projek Kolum-Kolum Takungan Banjir Batu dan Jinjang serta Program Tebatan Banjir Lembah Sungai Klang.

"Bagaimanapun faktor lain seperti pembangunan pesat di kawasan tadahan, pembangunan tidak terancang atau terkawal, pembangunan di dataran sungai, sistem perparitan setempat yang tidak sempurna, boleh mengakibatkan kewujudan kawasan baru yang mudah



dilanda banjir," kata Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Azmi Khalid.

Azmi berkata, selain itu, kerajaan sedang melaksanakan Projek Tebatan Banjir

Sungai Kerayong yang meliputi kerja menaik taraf sungai untuk meningkatkan keupayaannya serta kolam takungan banjir berhampiran Flet Seri Johor, di sini.

"Pada masa ini keupayaan Sungai Kerayong hanya mampu menampung kira-kira 50 peratus daripada kuantiti air larian banjir dari kawasan tadahannya," katanya ketika menggulung perbincangan usul Rancangan Malaysia Kesembilan

## Beberapa projek tebatan dijangka siap

(RMK-9) bagi pihak kementerian itu pada persidangan Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata, kerajaan juga sudah merangka program jangka panjang dalam RMK-9 bagi mengatasi masalah banjir di semua negeri yang merangkumi kawasan Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADP).

"Dalam RMK-9 kerajaan meluluskan Rancangan Tebatan Banjir Setiu, yang merangkumi kawasan IADP

Lembaga Kemajuan Terengganu Utara (Ketara).

Dengan adanya projek tebatan banjir itu, ia akan dapat mengurangkan kejadian banjir, seterusnya meningkatkan aktiviti pertanian di kawasan terlibat," katanya.

Mengenai pembangunan di kawasan tadahan air, Azmi berkata, semua pembangunan di kawasan tadahan air perlu dirancang dan hanya pembangunan yang tidak mengakibatkan pencemaran dibenarkan.

Kementerian melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) akan meluluskan sesuatu kawasan pelupusan sampah selepas kajian Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) secara

komprehensif dijalankan yang merangkumi semua aspek alam sekitar, katanya.

"Jika didapati kesan kepada alam sekitar minimum atau boleh dikawal, laporan akan diluluskan dengan syarat-syarat yang ketat bagi melindungi kawasan tadahan air," katanya.

Bagi projek yang tidak tertakluk dengan EIA, kementerian akan memberikan pandangan dan nasihat kepada pihak yang meluluskan projek mengenai kesesuaian projek dari segi alam sekitar serta langkah-langkah kawalan yang perlu dilaksanakan bagi melindungi kawasan tadahan air supaya tidak tercemar.